



Akta baru pastikan hak pengguna dilindungi

8/4 5/4/2011 MS 17.

Orang ramai berhak lapor kenaikan harga, perkhidmatan elak peniaga kaut untung cepat

MULAI 1 April lalu kerajaan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2010 bagi membolehkan orang ramai selaku pengguna, melaporkan sebarang kenaikan harga barangan atau perkhidmatan yang dianggap tidak munasabah.

Penguatkuasaan akta baru itu sepatutnya melegakan orang ramai kerana memperkukuhkan lagi kuasa pengguna untuk menyuarakan rasa tidak puas hati kerana ditipu peniaga.

Melalui talian 1-800-88-6800, aduan pengguna akan diterima pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan tindakan selanjutnya iaitu mendapatkan pandangan Majlis Penasihat Harga mengenai langkah berikutnya.

Sekiranya selepas siasatan, majlis berpendapat peniaga atau pengusaha restoran patut dikenakan tindakan undang-undang kerana menaikkan harga dengan sengaja, bertujuan mengutip keuntungan berlebihan, mereka yang terbabit boleh diheret ke mahkamah.

Dendanya juga agak tinggi dan boleh dijadikan cara menghalang perbuatan itu daripada berulang. Mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2010 itu, mana-mana syarikat yang didapati bersalah menjual barangan atau menawarkan perkhidmatan pada harga lebih



GAMBAR HASAN

ORANG RAMAI perlu tahu hak mereka sebagai pengguna agar tidak mudah ditipu.

tinggi daripada harga pasaran boleh didenda sehingga RM500,000 bagi kesalahan kali pertama. Manakala, bagi kesalahan kali kedua, syarikat sama boleh didenda maksimum RM1 juta.

Individu melakukan kesalahan kali pertama boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya, manakala bagi kesalahan kali kedua pula, mereka boleh didenda sehingga RM250,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya.

Penguatkuasaan undang-undang berkenaan merangkumi semua syarikat dan individu menjual barang, menyediakan perkhidmatan dan restoran.

Dalam satu pertemuan dengan pengarang kanan akhbar dan televisyen baru-baru ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata akta itu sudah diluluskan Parlimen hujung tahun lalu.

Akta baru itu menggantikan Akta Kawalan Harga 1946 yang tidak memberi kuasa kepada kementerian untuk mengambil tindakan ke atas peniaga yang menaikkan harga barang atau perkhidmatan secara melampau.

Pihak kementerian akan berbin-bang dengan Majlis Penasihat Harga bagi menentukan penanda aras harga sesuatu barang dan mengkaji sama

ada harga barangan atau perkhidmatan dijual itu berpatutan dengan keadaan sekeliling dan semasa.

"Kita tidak boleh mengambil tindakan terburu-buru tanpa siasatan. Kementerian akan memberi layanan adil kepada semua pihak," katanya.

Antara barangan yang dekat dengan hati pengguna ialah bahan makanan mentah dan makanan masak yang dijual di restoran. Beberapa akhbar sudah berkali-kali menyiarkan laporan mengenai makanan dan minuman dijual dengan harga melambung tinggi di restoran tertentu sehinggakan tidak masuk akal, seperti air kosong berharga antara 40 sen hingga RM1 segelas.

Fenomena krisis makanan dunia global yang menjadi punca kepada kenaikan harga makanan bagaimanapun tidak harus menjadi penyebab kenaikan melampau yang dikenakan sesetengah peniaga dan restoran di negara ini.

Pengguna sememangnya menyedari peniaga sentiasa cuba mengambil kesempatan daripada isu semasa untuk menaikkan harga dan tidak akan menurunkan harga walaupun keadaan tertentu sudah reda.

"Kita tahu keadaan cuaca tidak menentu akhir-akhir ini di negara pengeluar seperti kemarau di Russia dan Kazakhstan serta banjir

di India dan Australia boleh mendorong kepada kenaikan harga barangan," katanya.

Contohnya, kenaikan harga gula dan minyak boleh menyebabkan pengusaha restoran termasuk peniaga kuih menaikkan harga kuih dan makanan sarapan lain.

Pengguna sebenarnya mempunyai pilihan untuk membeli ataupun tidak kerana kuasa membeli terletak padanya. Contohnya, jika harga bawang import dari India mahal kerana berlaku banjir di negara itu, pengguna masih boleh membeli bawang yang dibawa masuk dari Belanda, Indonesia atau Thailand.

Malah menurut Ismail Sabri, pengimportan bawang kini tidak memerlukan permit lagi dan sesiapa pun boleh mengimport bahan itu.

Selain itu, seperti dicadangkan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) baru-baru ini, agensi kerajaan tertentu seperti FAMA, FELDA, PERNAMA dan lain-lain boleh memperluaskan lagi rangkaian kedai jimat atau kedai harga rendah.

Usaha itu bukan bertujuan menandingi pasar raya besar dan kedai runcit, tetapi membantu rakyat mendapatkan bekalan bahan masakan pada harga lebih rendah, selain gula, tepung gandum dan minyak masak iaitu barang kawalan bersubsidi.